


# IQRA'

Bil. 1/2023  
JANUARI



**Kunjungan Hormat PTAR ke atas Penolong Naib Canselor (Keusahawanan)**  
PTAR Shah Alam - muka 4



**Program Mobile Library (Sesi 1), Kolej Pengajian Kejuruteraan**  
PKEJ - muka 7



**Hari Terbuka PTAR UiTM Cawangan Melaka**  
PTAR Kampus Alor Gajah - muka 11



**Program SharingRizq@Library UiTM Cawangan Terengganu**  
PTA Kampus Dungun - muka 18



**Bengkel "Refresh Your Skills@PTA"**  
PTAR Kampus Machang - muka 26

## PROMOSI@PTAR



**PROGRAM SHARINGRIZQ@LIBRARY UiTM CAWANGAN  
TERENGGANU BIL. 1/2023  
6 JANUARI 2023**

**BULETIN  
IQRA**

**PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN  
KAMPUS DUNGUN, TERENGGANU**

*Disediakan oleh: Abdul Hadi Idris*



*Perpustakaan Cendekiawan, UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT), Kampus Dungun, meneruskan inisiatif Program SharingRizq@Library 2023 dengan mengadakan agihan makanan secara percuma kepada pengunjung perpustakaan. Program SharingRizq@Library Bil. 2/2023 ini telah berjaya diadakan pada 6 Februari 2023, Isnin, dengan menyediakan sebanyak 80 pek makanan pelbagai menu iaitu spaghetti aglio olio, nasi lemak, nasi goreng, dan air kotak.*

*Sebagaimana program sebelum ini, menu utama telah disediakan oleh staf perpustakaan yang diketuai oleh En. Ahmad Fathi Azhari bin Mohd Azmi, Pembantu Pustakawan, dengan bersumberkan dana yang diperolehi melalui sumbangan tabung sedekah warga perpustakaan.*

*Program agihan makanan percuma yang diberikan kepada pelajar UiTMCT ini juga merupakan penghargaan warga perpustakaan kepada mereka yang berkunjung ke perpustakaan untuk mengulangkaji pelajaran. Keprihatinan seluruh warga perpustakaan dalam menyokong usaha ini amatlah dihargai, dan ia menunjukkan keprihatinan warga perpustakaan dalam membantu pelajar yang terkesan dengan kenaikan kos sara hidup semasa.*

*Semoga program ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.*

